



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 29 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,943 kes** (375,340 kes kumulatif, 92.7%);
- Kes baharu : **3,332 kes** (404,925 kes kumulatif);
- Kes import : **9 kes** (1 warganegara, 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,323 kes** [3,099 warganegara (93.3%); 224 bukan warganegara (6.7%)];
- Kes aktif : **28,093 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **309 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **147 kes**; dan
- Kes kematian : **15 kes** (1,492 kes kumulatif, 0.37%; 14 warganegara, 1 bukan warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,083 kes (32.5 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **741 kes (68.4 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **522 kes (15.7 peratus)** dan Kelantan sebanyak **401 kes (12.0 peratus)**.

Sebanyak **45 kes (1.4 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster DTI Lenggeng (43 kes) dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (2 kes).

Terdapat 15 kes kematian pada hari ini yang melibatkan masing-masing empat (4) kes di Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tiga (3) kes di Selangor, dua (2) kes di Sarawak, dan masing-masing satu (1) kes di Johor, dan Sabah. Sebanyak 14 kes kematian pada hari ini melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 29 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,638 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **12 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,260 kluster** [termasuk **empat (4) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Usahawan, Kluster Jalan Azlan, Kluster Banggol Chicha, dan Kluster Jalan Sebelas**];
- Jumlah kluster aktif : **378 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **83 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster DTI Lenggeng (43 kes), Kluster Raub Jaya (38 kes), dan Kluster Jalan Adika Raja (33 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **12 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan empat (4) kluster komuniti, masing-masing tiga (3) kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kluster tempat kerja, serta dua (2) kluster keagamaan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

| No. | Nama Kluster | Negeri | Kategori Kluster |
|------------|--------------------------|---------------|-------------------------|
| 1 | Bukit Rotan | Selangor | Komuniti |
| 2 | Sileng Dayak | Sarawak | Komuniti |
| 3 | Kampung Pemanok | Kelantan | Komuniti |
| 4 | Raub Jaya | Pahang | Komuniti |
| 5 | Tabuan Jaya | Sarawak | Institut Pendidikan KPM |
| 6 | Kluster Batu Lada | Kelantan | Institut Pendidikan KPM |
| 7 | Jalan Abdul Rahman Andak | Johor | Institut Pendidikan KPM |
| 8 | Jalan RP Tiga | Selangor | Tempat Kerja |
| 9 | Jalan Tiga Belas - Tiga | Selangor | Tempat Kerja |
| 10 | Jalan Adika Raja | Perak | Tempat Kerja |
| 11 | Kampung Parit Bunga | Johor | Keagamaan |
| 12 | Jalan Pokok Assam | Perak | Keagamaan |

SENARAI NEGARA YANG MELAPORKAN PENULARAN DALAM KOMUNITI VARIANT OF CONCERN (VOC) SARS-COV-2 SEHINGGA 29 APRIL 2021

Sehingga 29 April 2021, sebanyak tiga (3) *Variant of Concern* (VOC) SARS-CoV-2 yang telah dikenal pasti iaitu varian B.1.351, B.1.1.7, dan B.1.1.28 (P1). Jadual dibawah menunjukkan negara-negara yang dikesan dengan kewujudan *Variant of Concern* (VOC) SARS-CoV-2.

| Bil. | NEGARA | B.1.351 | B.1.1.7 | B.1.1.28 (P1) |
|----------------------|------------------|---------|---------|---------------|
| BENUA AMERIKA | | | | |
| 1 | Amerika Syarikat | √ | √ | |
| 2 | Argentina | | √ | |
| 3 | Brazil | | √ | √ |
| 4 | Colombia | | | √ |
| 5 | Chile | | √ | |
| 6 | Mexico | | | √ |
| 7 | Kanada | √ | √ | |
| 8 | Peru | | √ | |
| BENUA EROPAH | | | | |
| 9 | Austria | √ | √ | |
| 10 | Belgium | √ | √ | √ |
| 11 | Denmark | | √ | |
| 12 | Greece | √ | | |
| 13 | Ireland | √ | √ | |
| 14 | Israel | √ | √ | |

| | | | | |
|---------------------------|----------------------|---|-----|---|
| 15 | Itali | | √ | |
| 16 | Jerman | √ | √ | |
| 17 | Lithuania | √ | | |
| 18 | Netherland | √ | √ | |
| 19 | Norway | | √ | |
| 20 | Perancis | | √ | |
| 21 | Republik Czech | √ | | |
| 22 | Sepanyol | √ | √ | |
| 23 | Sweden | | √ | √ |
| 24 | Switzerland | | √ | |
| 25 | Turki | | √ | |
| 26 | United Kingdom | √ | √ | |
| BENUA TIMUR TENGAH | | | | |
| 27 | Emiriah Arab Bersatu | | √* | |
| 28 | Iraq | | √ | |
| 29 | Qatar | √ | √ | |
| 30 | Rwanda | √ | | |
| BENUA AFRIKA | | | | |
| 31 | Afrika Selatan | √ | √ | |
| 32 | Mozambique | √ | | |
| 33 | Nigeria | √ | √ | |
| 34 | Tanzania | √ | | |
| BENUA ASIA | | | | |
| 35 | Bangladesh | √ | | |
| 36 | India | √ | √ | |
| 37 | Cambodia | | √ | |
| 38 | China | | √ | |
| 39 | Filipina | | √** | |
| 40 | Jepun | | √ | |

NOTA:

Senarai ini akan disemak dari semasa ke semasa berdasarkan maklumat yang diperolehi dari sumber berikut:

- i. https://cov-lineages.org/global_report.html.
- ii. <https://www.who.int/westernpacific/emergencies/covid-19/situation-reports>

* Kes adalah pengembara dari UAE yang datang ke Malaysia.

** Hong Kong melaporkan kes warga Filipina yang datang ke negara itu

Berikut merupakan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi pengembara-pengembara yang tiba dari negara-negara dengan kewujudan Variant of Concern (VOC) SARS-CoV-2:

- 1) Memuat turun, mendaftar, dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera dalam telefon bimbit sebelum tiba di Malaysia;
- 2) Menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mendaftar kod QR semasa ketibaan pengembara di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA);
- 3) Melalui saringan demam dan gejala di PMA;
- 4) Menjalani swab sampel bagi ujian pengesanan jangkitan COVID-19 tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas dengan laporan ujian tersebut negatif COVID-19;
- 5) Dikehendaki menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian (kuarantin) **selama 14 hari di stesen kuarantin** yang ditetapkan oleh Kerajaan;

- 6) Memantau status kesihatan sendiri menggunakan aplikasi MySejahtera selama 14 hari semasa dalam tempoh kuarantin. Sekiranya bergejala, maklumkan kepada pasukan perubatan yang bertugas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan selanjutnya;
- 7) Kekal tinggal dalam stesen kuarantin dan tidak keluar bilik;
- 8) Mematuhi SOP, perundangan dan peraturan berkaitan dengan pengurusan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia pada setiap masa;
- 9) Menjalani ujian saringan COVID-19 pada hari ke-10 dari tarikh ketibaan di Malaysia; dan
- 10) Pengembara akan dilepaskan dari kuarantin pada hari ke 14 sekiranya ujian pengesanan COVID-19 adalah negatif.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Institut Kesihatan Negara (NIH) akan sentiasa mengemaskini senarai negara dengan kewujudan *Variant of Concern* (VOC) SARS-CoV-2 dan akan memaklumkan kepada umum dari semasa ke semasa.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

29 April 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 29 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU *() | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---------------------------|-------------------------------------|-----------------------------------|
| SELANGOR | 1,083 | 131,625 |
| SABAH | 131 | 58,047 |
| JOHOR | 207 | 45,217 |
| WP KUALA LUMPUR | 359 (9) | 43,401 |
| SARAWAK | 522 | 29,899 |
| PULAU PINANG | 158 | 19,556 |
| NEGERI SEMBILAN | 111 | 18,614 |
| PERAK | 91 | 14,631 |
| KELANTAN | 401 | 13,368 |
| KEDAH | 105 | 9,788 |
| MELAKA | 43 | 7,319 |
| PAHANG | 92 | 5,124 |
| TERENGGANU | 19 | 4,156 |
| WP LABUAN | 0 | 2,451 |
| WP PUTRAJAYA | 9 | 1,370 |
| PERLIS | 1 | 359 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 3,332 (9) | 404,925 |

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 3,332 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 29 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,083 kes**

- 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Bukit Rotan, Kluster Jalan RP Tiga, dan Kluster Jalan Tiga Belas - Tiga**;
- 705 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 342 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 522 kes**

- 48 kes daripada kluster-kluster, termasuk 14 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Sileng Dayak dan Kluster Tabuan Jaya**;
- 404 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 70 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 401 kes**

- 99 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Batu Lada dan Kluster Kampung Pemanok**;

- 233 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 69 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 359 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 205 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Sembilan (9) kes import dari luar negara; dan
 - 141 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 207 kes**
 - 40 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Abdul Rahman Andak dan Kluster Kampung Parit Bunga**;
 - 132 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 35 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 158 kes**
 - 30 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 60 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 68 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 131 kes**
 - 42 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 71 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 111 kes**
 - 63 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 105 kes**
 - 48 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 92 kes**
 - 43 kes daripada kluster-kluster, termasuk 38 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Raub Jaya**;
 - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 91 kes**

- 37 kes daripada kluster-kluster, termasuk 34 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Adika Raja dan Kluster Jalan Pokok Assam** ;
- 37 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 43 kes**

- 10 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 14 daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 19 kes**

- Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Sembilan (9) kes**

- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 15 kes kematian pada 29 April 2021 adalah seperti berikut:

| No. Kematian | Negeri | Jantina (warganegara) | Umur (tahun) | Hospital / Tempat Kematian | Latar Belakang |
|--------------|----------|-----------------------|--------------|---|---|
| 1478 | Johor | Perempuan (WN) | 75 | Hospital Gleneagles Medini, Johor Bahru | Penyakit kencing manis, darah tinggi, obesiti, dan jantung |
| 1479 | Kelantan | Lelaki (WN) | 56 | Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai | Penyakit kencing manis dan dislipidemia |
| 1480 | Selangor | Perempuan (WN) | 46 | Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik |
| 1481 | Selangor | Perempuan (WN) | 71 | Hospital Sungai Buloh | Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dan strok |
| 1482 | Kelantan | Perempuan (WN) | 70 | Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian | Penyakit kencing manis dan darah tinggi |
| 1483 | Kelantan | Lelaki (WN) | 72 | Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu | Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dan kanser paru-paru |
| 1484 | Sarawak | Perempuan (WN) | 47 | Hospital Bintulu | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia |
| 1485 | Selangor | Lelaki (WN) | 91 | Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang | Penyakit darah tinggi dan jantung |

| | | | | | |
|------|-----------------|-----------------|----|--|---|
| 1486 | WP Kuala Lumpur | Lelaki (WN) | 75 | Hospital Selayang | Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia |
| 1487 | WP Kuala Lumpur | Lelaki (WN) | 73 | Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras | Penyakit darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan paru-paru obstruktif kronik |
| 1488 | WP Kuala Lumpur | Lelaki (WN) | 49 | Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur | - |
| 1489 | WP Kuala Lumpur | Perempuan (WN) | 47 | Jenazah dibawa ke Hospital Selayang | - |
| 1490 | Sarawak | Perempuan (WN) | 91 | Jenazah dibawa ke Hospital Kapit | Penyakit darah tinggi dan strok |
| 1491 | Kelantan | Perempuan (WN) | 82 | Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian | Penyakit darah tinggi |
| 1492 | Sabah | Perempuan (BWN) | 26 | Hospital Tawau | - |

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

Perincian 12 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER BUKIT ROTAN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam, Petaling, dan Klang di Selangor serta daerah Port Dickson di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-387591) dilaporkan positif COVID-19 pada 24 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis pengebumian yang diadakan di Bukit Rotan, Kuala Selangor pada 16 April 2021. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 45 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER SILENG DAYAK

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Lundu dan Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-383527) dilaporkan positif COVID-19 pada 22 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Sileng Dayak, Lundu. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 1,740

individu telah disaring, di mana **72 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER KAMPUNG PEMANOK

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Machang di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-384454) dilaporkan positif COVID-19 pada 22 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Pemanok, Machang. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 53 individu telah disaring, di mana **27 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER RAUB JAYA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Raub, Lipis, dan Bentong di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke- 387502) dilaporkan positif COVID-19 pada 23 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Taman Raub Jaya, Raub. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 270 individu telah disaring, di mana **54 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER TABUAN JAYA

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Kuching, Serian, dan Samarahan di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-372265) dilaporkan positif COVID-19 pada 17 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Tabuan Jaya, Kuching. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 252 individu telah disaring, di mana **22 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER BATU LADA

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Kuala Krai dan Machang di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-384144) dilaporkan positif COVID-19 pada 22 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan Batu Lada, Kuala Krai. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 191 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN ABDUL RAHMAN ANDAK

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-394000)

dilaporkan positif COVID-19 pada 26 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan Abdul Rahman Andak, Johor Bahru. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 279 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN RP TIGA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak dan Hulu Selangor di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 27 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan RP 3, Kawasan Industri Rawang Perdana, Gombak. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 128 individu telah disaring, di mana **46 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER JALAN TIGA BELAS - TIGA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan 13/3, Seksyen 13, Petaling Jaya. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 164 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER JALAN ADIKA RAJA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Perak di Perak dan daerah Baling di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-398301) dilaporkan positif COVID-19 pada 27 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelatih-pelatih sebuah pusat latihan yang terletak di Jalan Adika Raja, Pengkalan Hulu, Hulu Perak. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 88 individu telah disaring, di mana **34 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER KAMPUNG PARIT BUNGA

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Tangkak di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-396745) dilaporkan positif COVID-19 pada 27 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Parit Bunga Raya Hujung, Bukit Gambir, Tangkak. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 18 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER JALAN POKOK ASSAM

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Larut, Matang, dan Selama di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-

376714) dilaporkan positif COVID-19 pada 19 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Pokok Assam, Taiping. Sehingga 29 April 2021, sejumlah 38 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.